

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Khamis, 19 November 2020



KENYATAAN MEDIA
SEMINAR MY LOCAL STATS 2020

**Statistik Daerah dan Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan dan
Pengurusan Sumber**

PUTRAJAYA, 19 NOVEMBER 2020 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengadakan Seminar My Local Stats 2020 bertemakan Statistik Daerah dan Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Sumber bersama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Pegawai Daerah di seluruh Malaysia secara maya. Seminar ini telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali.

Seminar secara maya ini adalah antara usaha dan pendekatan DOSM dalam membudayakan norma baharu. Seminar ini merupakan wadah perkongsian ilmu yang julung kali diadakan bagi mengukuhkan kerjasama strategik di antara DOSM, UPEN dan Pejabat Daerah melibatkan seramai 354 peserta di seluruh negara. Sesi pembentangan seminar bertajuk 'Pendataan: Pemacu Kelestarian Daerah' telah disampaikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin yang mengupas intipati penting indikator sosioekonomi di peringkat negeri dan daerah. Terdapat dua sesi forum iaitu forum pertama bertajuk 'Mengarusperdanakan Statistik Ke Arah Menuju Pembangunan Negara dan Negeri' yang telah dikupas oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pulau Pinang, Negeri Johor dan Negeri Selangor. Manakala forum kedua bertajuk 'Perancangan Pembangunan Daerah Berpaksikan

kepada Statistik' yang dikongsikan bersama Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Pegawai Daerah Rompin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif URBANICE Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "DOSM telah berjaya menerbitkan My Local Stats 2019 bagi setiap daerah pentadbiran yang keseluruhannya berjumlah 160 termasuk Wilayah Persekutuan dan Perlis. Penerbitan tersebut meliputi 143 penerbitan di peringkat daerah pentadbiran, satu penerbitan yang merangkumkan 13 daerah baharu dan tiga penerbitan bagi Wilayah Persekutuan dan satu Perlis. Penerbitan ini memuatkan statistik sosioekonomi utama di peringkat daerah pentadbiran bagi siri masa 2017 hingga 2019. Penerbitan My Local Stats ini mengandungi 20 bidang statistik sosioekonomi antaranya Penduduk; Perumahan; Pasaran Buruh, Pekerjaan & Pengangguran; Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Perhubungan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; dan Kemudahan Asas.

Laporan Sosioekonomi Negeri 2019 merupakan penerbitan yang eksklusif dan komprehensif dengan mengintegrasikan data ekonomi dan sosial & demografi merangkumi 15 penerbitan Negeri dan 85 jadual statistik. Laporan ini mengandungi 4 topik berkenaan statistik ekonomi iaitu Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Indeks Harga Pengguna, Pelancongan Domestik dan Statistik Akaun Kerajaan dan 5 topik berkenaan statistik sosial iaitu Penduduk, Tenaga Buruh, Gaji & Upah, Statistik Siswazah dan Pendapatan & Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah.

Penerbitan Laporan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 pula terdiri daripada 14 negeri penerbitan yang mengandungi statistik peringkat daerah pentadbiran. Penerbitan ini memuatkan 105 statistik, 11 topik dan 31 jadual baru. Penerbitan Laporan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 turut meliputi 14 buah negeri dan statistik peringkat daerah pentadbiran.

Sempena Seminar My Local Stats 2020 hari ini, Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali telah berkata, "Data yang *reliable*, relevan, bertepatan masa dan teknik statistik yang bersesuaian merupakan ramuan penting dalam menghasilkan kajian polisi yang berkualiti dan *sound decision-making*". Di samping itu,

Ketua Setiausaha Negara juga berkata, "Pengukuhan Sistem Statistik Negara memberi impak positif kepada Kerajaan merangka dasar jangka pendek dan jangka panjang negara".

Maklumat ekonomi dan sosial yang diintegrasikan ini akan memberi input yang bermanfaat kepada penggubal dasar negeri dan penyelidik untuk merangka pelan pembangunan dan hala tuju negeri dan daerah masing-masing.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 dilaksanakan melalui dua fasa iaitu fasa pertama bermula 7 Julai hingga 21 Disember 2020 secara dalam talian (*e-Census*) dan fasa kedua akan bermula pada 20 Januari hingga 6 Februari 2021 secara bersemuka. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berharap semua rakyat Malaysia dapat memberi kerjasama sepenuhnya untuk memastikan kejayaan bancian. Maklumat lanjut berkaitan Banci 2020 boleh diperoleh melalui portal banci iaitu www.mycensus.gov.my atau media sosial **@MyCensus2020**.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

19 NOVEMBER 2020

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 19 November 2020



MEDIA STATEMENT
MY LOCAL STATS 2020 SEMINAR

District and Local Statistics Towards Planning and Resource Management Efficiency

PUTRAJAYA, 19 NOVEMBER 2020 – Today, Department of Statistics held a virtual My Local Stats 2020 Seminar with a theme of District and Local Statistics Towards Planning and Resource Management Efficiency together with the Economic Planning Unit (EPU) and District Officers throughout Malaysia. This seminar was launched by the Chief Secretary to the Government, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali.

This virtual seminar is one of DOSM's efforts and approaches in cultivating new norms. This seminar is the first knowledge sharing platform held to strengthen strategic cooperation between DOSM, UPEN and District Offices involving a total of 354 participants nationwide. The seminar presentation session entitled 'Data: Driving District Sustainability' was delivered by the Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin who explains the importance of socioeconomic indicators at state and district levels. There are two forum sessions where the first forum entitled 'Mainstreaming Statistics Towards National and State Development' which was discussed by the Deputy State Secretary (Development) of the State of Pulau Pinang, Johor and Selangor. Meanwhile, the second forum entitled 'District Development Planning Based on Statistics'

shared by District Officers of Kuala Kangsar and Rompin as well as the Deputy Chief Executive Officer of URBANICE Malaysia.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "DOSM has successfully published My Local Stats 2019 for each administrative district which has a total of 160 including Federal Territories and Perlis. The publication comprises 143 publications at administrative district level, one publication covers 13 new districts, Perlis and three publications of Federal Territories. These publications consist of key socioeconomic statistics at administrative district level for the time series of 2017 to 2019. My Local Stats publication contains 20 areas of socioeconomic statistics including Population; Housing; Labor Market, Employment & Unemployment; Household Income & Expenditure; Education; Health; Welfare Services; Public Safety; Communication and Recreation; Internet and Social Media; and Basic Amenities.

The State Socioeconomic Report 2019 is an exclusive and comprehensive publication which integrates economic and social & demographic data comprising 15 state publications and 85 statistical tables. This report contains 4 topics on economic statistics namely Gross Domestic Product (GDP), Consumer Price Index, Domestic Tourism and Government Account Statistics and 5 topics on social statistics namely Population, Labor Force, Salary & Wages, Graduate Statistics and Household Income & Consumption Expenditure.

The publication of the 2019 Household Income and Basic Amenities Report consists of 14 state publications that include administrative district level statistics. This publication contains 105 statistics, 11 topics and 31 new tables. The publication of the 2019 Household Expenditure Report also covers 14 states and administrative district level statistics".

In conjunction with the keynote address during the My Local Stats 2020 Seminar today, the Chief Secretary to the Government, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali said, "Reliable, relevant, timely data and appropriate statistical techniques are important ingredients in producing quality policy research and sound decision-making". In addition, the Chief

Secretary to the Government also said, "Strengthening the National Statistical System has a positive impact to the Government in formulating short-term and long-term policies of the country".

This integrated economic and social information will provide useful input to states' policy makers and researchers in formulating development plans and the direction of their respective states and districts.

*Population and Housing Census Malaysia 2020 is implemented through two phases with the first phase starting 7 July to 21 December 2020 via online (e-Census) and the second phase will begin at 20 January to 6 February 2021 through face-to-face interviews. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin hopes that all Malaysians will give full cooperation to ensure the success of the census. Further information on the Census 2020 can be obtained through the census portal **www.mycensus.gov.my** or social media **@MyCensus2020**.*

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
19 NOVEMBER 2020**